



Noor  
Mohamad  
Shakil  
Hameed

**K**eputusan kerajaan untuk membenarkan 300 orang etnik Rohingya bekerja di negara kita secara berperingkat bermula 1 Mac ini pastinya bakal memberi harapan baru dinanti-nantikan oleh golongan minoriti tersebut. Menurut Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, kumpulan perintis pertama ini akan bekerja di bawah Projek Perintis Kebenaran Bekerja untuk Pemegang Kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR).

Secara prinsipnya mengikut projek ini 300 pemegang kad UNHCR daripada etnik Rohingya yang melepas saringan keselamatan dan kesihatan akan diberi kebenaran bekerja di negara ini secara berperingkat. Kumpulan ini akan ditempatkan di beberapa syarikat terpilih dalam sektor perlادangan dan perkilangan untuk memberi mereka kemahiran dan sumber kewangan bagi membina kehidupan sebelum ditempatkan semula ke negara ketiga.

Ini inisiatif pihak kerajaan atas dasar sifat perikemanusiaan untuk membantu menguruskan pemegang kad UNHCR di negara ini walaupun negara ini tidak menjadi ahli kepada Konvensyen PBB Mengenai Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Untuk rekod, setakat 31 Disember lalu, bilangan mereka di Malaysia yang memegang kad UNHCR sah seramai 194,474 orang dari 62 negara dan daripada jumlah itu 133,517 orang atau 89 peratus dari Myanmar iaitu 55,565 etnik Rohingya.

Penulis percaya pendekatan pihak kerajaan yang menggunakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) untuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas Bersama (JTF) yang melibatkan enam kementerian dan UNHCR bagi memastikan pemegang Kad UNHCR adalah mereka yang diperakukan secara sahih dan diberi peluang

kehidupan lebih baik adalah satu langkah sangat positif, wajar dan amat bertepatan. Hal ini kerana melalui projek klas ini kita mendapat peluang tambahan untuk menghulurkan bantuan kepada etnik Rohingya yang sedang mengalami pelbagai masalah dan penindasan di negara sendiri dengan membantu mereka memulakan kehidupan baru.

Dalam konteks ini di samping kita menzahirkan komitmen untuk membantu etnik Rohingya dengan menjayakan misi kemanusiaan seperti Malaysia Food Flotilla for Myanmar, kita juga mendapat peluang untuk membantu kumpulan etnik ini yang sudah bermastautin di negara kita melalui bantuan dan peluang pekerjaan seperti ini. Melalui usaha seperti ini kita juga dapat membuktikan kepada dunia luar tatkala ada yang hanya berdiagram diri melihat kezaliman terhadap etnik Rohingya, ada yang sekadar mampu bercakap tapi tidak bertindak, malah ada yang cuba menghalang bantuan kemanusiaan, kita pula sebaliknya bukan saja mengutuk penindasan yang berlaku secara tegas dan konsisten, malah sanggup mengambil pelbagai risiko dan inisiatif membantu etnik ini atas dasar perikemanusiaan. Ringkasnya kita terus dapat membela nasib etnik Rohingya yang sekian lama ditindas dan menjadi pelarian.


Justeru penulis melihat ini peluang terbaik kepada kita untuk memberi harapan dan peluang kehidupan kedua kepada etnik Rohingya secara berperingkat. Jadi diharapkan kita boleh menjadi ejen transformasi etnik Rohingya di rantau ini. Maksud ejen transformasi di sini kita bukan saji memberi peluang pekerjaan, tetapi melatih mereka menjadi modal insan berkemahiran tinggi yang akhirnya membolehkan mereka hidup berdikari untuk membangunkan diri, keluarga dan generasi etnik Rohingya secara keseluruhan.

Ringkasnya, dalam konteks ini biarlah Malaysia menjadi pusat transformasi etnik Rohingya yang mampu buka mata dunia supaya sama-sama membantu mengatasi masalah penindasan dan kezaliman terhadap etnik minoriti seperti ini. Bagi menjayakan hasrat ini kita perlu merangka pelan

pembangunan transformasi etnik Rohingya yang komprehensif dan bersifat jangka panjang. Kita tidak mahu selama-lamanya sekadar menjadi penyedia peluang pekerjaan sebaliknya kita perlu tampil sebagai

pusat latihan kepada mereka. Biar kita menyediakan peluang latihan kemahiran supaya ilmu itu boleh menjadi bekalan hingga ke akhir hayat mereka bagi meneruskan kehidupan masing-masing.

Untuk itu kerjasama semua pihak sangat diperlukan merangkumi agensi kerajaan yang terlibat dengan komitmen barisan majikan terutamanya dari sektor perlادangan dan perkilangan. Kumpulan pertama 300



## Harapan baru etnik Rohingya



SUKARELAWAN menyusun barang di atas lori sebelum diagihkan kepada penerima di Pelabuhan Antarabangsa Thilawa, Yangon pada Misi Food Flotilla For Myanmar.

orang ini sepertutnya menjadi perintis untuk kita melihat sejauh mana program ini mampu mencapai kejayaan yang diharapkan. Kita harap pihak kerajaan dengan bantuan majikan mampu menyediakan dua fasa latihan kepada mereka iaitu pertama latihan sebelum memulakan pekerjaan. Latihan pra-pekerjaan ini penting supaya mereka dapat mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan juga sedikit kemahiran asas yang diperlukan dalam bidang perlادangan dan perkilangan.

Latihan fasa kedua pula membabitkan latihan sambil bekerja (on the job training) yang akan memberikan peluang kepada mereka untuk menimba lebih banyak pengalaman, pengetahuan dan kemahiran sehingga menjadi pekerja berkemahiran tinggi dalam bidang terbabit. Akhirnya kita yakin etnik Rohingya dapat membina kehidupan baru yang lebih baik dan tidak lagi menjadi mangsa penindasan dan kezaliman seperti sekarang.

Secara prinsipnya kita tidak mahu Malaysia menjadi pusat penempatan tetap atau tempat longgokan etnik Rohingya di rantau ini sebaliknya biarlah dapat bertindak sebagai pusat transit sementara dan transformasi masa depan mereka. Mereka tetap perlu pulang ke negara mereka untuk menuntut hak dan

meneruskan kehidupan lebih baik. Apapun kita harap dalam usaha dan semangat untuk membantu mereka kita sama sekali tiada kompromi soal keselamatan rakyat dan negara ini di mana pihak berkuasa perlu melakukan saringan keselamatan dan kesihatan secara terperinci supaya tidak ada yang mengambil kesempatan mahupun menimbulkan sebarang masalah baik dari segi keselamatan maupun kesihatan kepada penduduk setempat di kemudian hari. Pastikan mereka benar-benar bersedia mulakan pekerjaan di sektor masing-masing.

Secara umumnya projek perintis ini satu permulaan dan perkembangan yang sangat positif ke arah memberi harapan dan peluang kehidupan baru kepada etnik Rohingya demi masa depan lebih baik dan terbaik. Diharapkan program ini akan membuka mata masyarakat dunia supaya turut secara serius menghulurkan bantuan mengikut pendekatan dan kemampuan masing-masing bagi membela nasib sekali gus menangani masalah penindasan etnik Rohingya ini secara keseluruhan. Hakikatnya penindasan ke atas etnik Rohingya malapetaka dan tragedi kemanusiaan yang cukup memalukan masyarakat dunia yang hanya mampu berpeluk tubuh.

**Penulis Ketua  
Bahagian Hal Ehwal  
Pelajar UPM**